

## Boleh daftar jenama di 122 negara

Kuala Lumpur: Pemilik cap dagangan di Malaysia kini boleh mendaftarkan jenama mereka di 122 negara menerusi Sistem Madrid iaitu kaedah pemfailan tunggal untuk pendaftaran di negara dalam Protokol Madrid yang berkuat kuasa semalam.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, ini susulan penyertaan Malaysia dalam Protokol Madrid iaitu sistem pendaftaran cap dagangan antarabangsa ditadbir Pertubuhan Harta Intelek Dunia (WIPO), 27 September lalu.

Beliau berkata, sistem itu juga membolehkan pemilik jenama tempatan memfail dan mendaftar jenama atau cap dagangan mereka di 122 negara itu dengan lebih cepat serta kos lebih rendah tanpa perlu berurus di setiap negara terbabit.

"Ini sekali gus memberi banyak faedah kepada usahawan tempatan. Oleh itu, pemilik jenama yang mahu mendaftarkan jenama mereka boleh mengunjungi mana-mana kaunter khidmat pelanggan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) di seluruh negara," katanya.

